

Rabu – 30 Disember 2020

Halaman : 18

Orang Asli dewasa masuk kelas membaca di Pos Tuel



IBU bapa Orang Asli suku kaum Temiar mengikuti kelas PLFOA di Pos Tuel, Gua Musang baru-baru ini.

GUA MUSANG — Seramai 25 orang ibu bapa Orang Asli suku kaum Temiar di Pos Tuel di sini mengikuti kelas Pendidikan Literasi Fungsian Orang Asli (PLFOA) yang diperkenalkan oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat sejak dua bulan lalu.

Ibu bapa berusia antara 25 sehingga 55 tahun itu mengikuti kelas berkenaan untuk menguasai kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira selaras dengan tujuan program tersebut bagi membantu membasmikan masalah buta huruf dalam kalangan Orang Asli.

Seorang pelajar Orang Asli,

Mariam Alang, 54, berkata, program itu membimbing ibu bapa yang buta huruf.

Katanya, sebelum ini dia tidak pernah bersekolah dan sukar untuk mengajar anak membaca dan menulis di rumah.

"Setakat ini, saya sudah boleh membaca, menulis dan mengira meskipun belum mahir."

"Kami berharap kelas seperti ini terus dibuka tahun depan di pos ini. Ia juga boleh diperluaskan di kampung Orang Asli lain kerana masih ramai ibu bapa yang masih buta huruf," katanya ketika ditemui pemberita di Pos Tuel di sini semalam.

Seorang lagi pelajar, Zaman Pandak, 55, berkata, masyarakat Orang Asli harus merebut peluang serta kemudahan yang disediakan oleh kerajaan.

Katanya, sebelum ini, dia tercicir dalam pelajaran dan tidak pernah bersekolah.

"Anak-anak banyak memberi semangat untuk saya menuntut ilmu. Kini saya boleh membaca, menulis dan mengira," katanya.

Sementara itu, guru kelas perintis PLFOA Kemas Pos Tuel, Nor Haslina Halim, 28, berkata ibu bapa Orang Asli tidak pernah ketinggalan untuk hadir setiap hari di kelas.